

10/05/2003

Pendakwah wajar sebar pemahaman Islam sebenar

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pendakwah Islam perlu menjalankan dakwah di kalangan orang bukan Islam di negara ini bagi

memastikan mereka memahami ajaran Islam yang sebenar.

Perdana Menteri berkata, walaupun tidak semestinya golongan bukan Islam

memeluk Islam, apa yang lebih penting mereka dapat memahami hikmah di sebalik ajaran Islam sebenar.

Katanya, masalah yang berlaku ketika ini ialah pendakwah Islam hanya berdakwah di kalangan orang Islam, menyebabkan agama Islam tidak berkembang.

"Lebih malang, ajaran Islam itu disampaikan dengan pelbagai tafsiran hingga menyebabkan umat Islam berada di dalam kekeliruan," katanya pada majlis makan malam Sekalung Budi Segunung Bakti di Hotel Palace Of The Golden Horses di sini, malam tadi. Majlis anjuran Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia itu berjaya mengumpul sejumlah RM1.5 juta untuk dana Perkim.

Perdana Menteri berkata, disebabkan ajaran Islam yang tidak sampai kepada bukan Islam, mereka menganggap Islam itu ganas, lemah dan mundur kerana tafsiran mengenai Islam disampaikan musuh Islam kepada bukan Islam.

Dr Mahathir berkata, ajaran Islam kini bukan menjadi satu agama asal yang dibawa Nabi Muhamad, sebaliknya menjadi Islam yang banyak dalam pelbagai kumpulan dan bentuk mazhab, akibat tafsiran yang berbeza.

Beliau berkata, orang Islam juga tidak menguasai ilmu kerana menganggap

mempelajari ilmu selain ilmu ibadat tidak mendapat pahala.

"Ini menjadikan orang Islam terus lemah," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir, berkata, peperangan di Iraq menunjukkan betapa umat Islam tidak dapat mempertahankan diri mereka kerana tidak menguasai ilmu seperti

persenjataan bagi menggerunkan musuh seperti yang dikehendaki Islam.

Beliau berkata, walaupun ramai orang Islam bersembahyang hajat dan berdoa, namun, serangan terhadap Iraq tetap dilancarkan dan ini tentu mengecewakan mereka.

Katanya, doa dan sembahyang hajat saja tidak mencukupi kerana di samping

itu umat Islam juga perlu berusaha kerana Tuhan tidak akan mengubah nasib

sesuatu kaum melainkan mereka mengubah sendiri.